

# Kerajaan wujudkan 'kota buku'

ilm - 4/3/2006

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 3 Mac - Kerajaan akan mewujudkan sebuah 'kota buku' yang antara lain bertujuan memartabatkan penerbitan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, dalam merealisasikan hasrat itu Kementerian, Kesenian dan Warisan telah dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti lokasi paling sesuai untuk diwujudkan kota tersebut.

Beliau berkata, kewujudannya amat penting kerana ia dilihat mampu menggalakkan lagi penerbit buku berbahasa Melayu untuk terus berkecimpung dalam industri tersebut.

## Penerbit

"Dengan adanya kota buku ini, kita akan menempatkan penulis-penulis buku serta penerbit buku secara lebih berpusat.


"Pelbagai aktiviti boleh dilakukan di dalam kota ini dan ini adalah salah satu usaha kita memastikan terbitan karya bahasa Melayu terus mendapat tempat walaupun di dalam era globalisasi," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis perasmian penubuhan dan Mesyuarat Agung Dewan Industri Buku Malaysia di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Penaja Dewan Industri Buku Malaysia, Datuk Dr. Mohd. Anuar Ridhwan dan Presiden Dewan Industri Buku Malaysia, Datuk Ghani Ngah.

Najib berkata, apa yang dirancangkan oleh kerajaan itu adalah sama dengan apa yang terdapat di negara-negara luar seperti di Iran.

Beliau berkata, kota tersebut mengandungi gedung jualan buku, tempat pameran, pusat pelancaran buku, pusat perundingan jual beli hak cipta dan sesi bertemu pengarang.



NAJIB Tun Razak melihat buku Ensiklopedia Pendidikan Sains Dalam Al-Quran sewaktu melawat gerai pameran sambil diperhatikan oleh Ghani Ngah (kanan) dan Dr. Mohd. Anuar Ridhwan selepas majlis perasmian penubuhan dan Mesyuarat Agung Dewan Industri Buku Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.